

TERHAD

JABATAN SUMBER MANUSIA • HUMAN RESOURCE DEPARTMENT

Rujukan: UKM.HTM.JSM.2/111/2
Tarikh : 31 Mei 2021

Semua
Ketua Jabatan / Unit / Pusat
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PEMBAHARUAN KONTRAK PERKHIDMATAN KAKITANGAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA BAGI TAHUN 2022

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jabatan Sumber Manusia, HCTM akan melaksanakan eksekusi pembaharuan kontrak perkhidmatan kakitangan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana bagi kakitangan yang akan tamat tempoh pada tahun 2022. Sehubungan dengan itu, semua kakitangan kontrak yang akan tamat tempoh perkhidmatan perlu melengkapkan dokumen seperti berikut:

- i) **Borang Permohonan Pelantikan Semula Selepas Bersara / Pembaharuan Perkhidmatan Kakitangan Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana (HCTM/JKIK/JSM/B24)** yang boleh dimuat turun melalui laman web <https://hctm.ukm.my/jsm/dokumen/>;
- ii) **Penyediaan senarai tugas** (Lampiran A); dan
- iii) **Penyediaan deskripsi tugas** mengikut format *job description* (JD) myPortfolio.

3. Untuk makluman YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Jabatan Sumber Manusia, HCTM **tidak akan menghantar** surat peringatan kepada pihak jabatan untuk tujuan pembaharuan kontrak kakitangan. Sehubungan itu, pihak Jabatan diminta memantau dan sentiasa peka mengenai tarikh tamat kontrak kakitangan yang ada di jabatan. Dokumen permohonan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Sumber Manusia, HCTM mengikut jadual seperti berikut:

Tarikh Tamat Tempoh Perkhidmatan Kontrak	Tarikh Mengemukakan Dokumen Permohonan
01 Januari 2022 hingga 30 April 2022	18 September 2021 sehingga pada 02 Oktober 2021
01 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2022	21 Januari 2022 sehingga pada 04 Februari 2022
01 September 2022 hingga 31 Disember 2022	18 Mei 2022 sehingga pada 01 Jun 2022

TERHAD



JABATAN SUMBER MANUSIA
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
Tingkat 1 Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 5151 Faks: +603-9145 6646 E-mel: kjsm@ppukm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my/jsm

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my


TERHAD

4. Sekiranya pihak Jabatan Sumber Manusia tidak menerima sebarang permohonan pembaharuan daripada jabatan, pihak kami beranggapan tiada keperluan jawatan tersebut di jabatan dan kontrak kakitangan tersebut akan tamat tempoh dan tidak akan diperbaharui.

5. Sukacita YBhg. Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan untuk makluman dan tindakan selanjutnya. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



NADIA NOOR AWAL

Ketua

Jabatan Sumber Manusia

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Berlampir

s.k. - **Pengarah**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

- **Timbalan Pendaftar**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

TERHAD

SENARAI TUGAS DAN KEKERAPAN

Nama : _____

UKM (PER) : _____

Jawatan : _____

Jabatan : _____

Bil	Senarai Tugas	Kekerapan Pelaksanaan Tugas (Minggu / Bulan)	Masa Yang Diperlukan Untuk Menyiapkan Tugas

(sila tambah lampiran sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi)